



Pelajar aliran agama 'serbu' gerai USIM

KARNIVAL Pengajian Tinggi Negara 'Jom Masuk U' anjuran Kementerian Pendidikan baru-baru ini mendapat sambutan yang sangat menggalakkan. Ia tambah menarik apabila menyaksikan peningkatan peratusan pelajar aliran agama memilih Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) sebagai pilihan utama melalui permohonan Unit Pusat Universiti (UPU).

Kebanyakan pelajar yang datang ke gerai USIM mengatakan kesungguhan mereka untuk menyambung pengajian dalam bidang agama sangat tinggi, lebih-lebih lagi USIM bukan sahaja menawarkan program agama malah bidang sains, teknologi dan juga ekonomi.



SEKUMPULAN pelajar sedang melihat risalah yang mempunyai pelbagai maklumat terperinci berkenaan tawaran melanjutkan pengajian dalam aliran agama.

yang unik ini membezakan USIM dengan universiti lain di seluruh dunia kerana paduan kedua-dua ilmu itu mampu melahirkan idea dan penyelesaian yang relevan dalam menangani permasalahan ummah serta manusia sejagat. Jadi, karnival seperti ini mampu memberi pendedahan mengenai USIM secara umumnya," katanya.

Karnival 'Jom Masuk U' telah berlangsung di enam zon meliputi kawasan Semenanjung, Sabah dan Sarawak sebelum berakhir di Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai, Johor dengan jumlah kunjungan mencecah 5,000 orang.

Penganjuran karnival pendidikan kali ke-10 ini bukan sahaja dapat membekalkan maklumat yang tepat dan terperinci kepada para pelajar